

# PPUMS anjur program dekati anak yatim

Um 17.7.13 26

RANAU 16 Julai - Persatuan Pegawai Pengurusan dan Profesional Bukan Akademik Universiti Malaysia Sabah (PPUMS) menganjurkan Program Khidmat Masyarakat PPUMS di Rumah Anak Yatim Putera Harapan, Ranau di sini baru-baru ini.

Rombongan PPUMS itu terdiri daripada 13 orang dan diketuai oleh Ketua Biro Kebajikannya, Azmi Jumat.

"Program kesedaran sosial ini bukan sahaja mendekatkan para ahli PPUMS dengan penghuni dan pihak pengurusan anak yatim, malah turut memberi peluang kepada ahli untuk berkongsi pengalaman penghuninya," kata Azmi.

Sempena program itu, sebuah gelanggang sepak takraw dibina hasil inisiatif ahli PPUMS bagi membolehkan para penghuni rumah tersebut melakukan aktiviti riadah.

Persatuan itu turut menyampaikan sumbangan barangan keperluan asas harian seperti beras dan barangan dapur, baju, ubat-ubatan, barangan sukan serta keperluan sekolah.